

35 tahun gelumang dadah

Pada usia 15 tahun Norsiah sudah terlibat dengan najis dadah jenis heroin dan bersekolah setakat tingkatan dua



Pengakuan

Oleh SITI AISHAH YUSOFF

Gambar MOHD. NAJIB MOHD. NOOR

BUKAN mudah bagi wanita separuh usia ini menempuh rentetan kisah gelap dalam kehidupannya. Kalau zaman remajanya dulu dia tidak terlalu mengikut perasaan dan mampu menilai baik buruk, pasti saat ini dia sedang gembira menjalani kehidupan di samping keluarga tercinta.

Namun nasi sudah menjadi bubur. Apa yang telah terjadi tetap terjadi. Sebagai insan yang hidup di muka bumi ini dia harus menerima dan reda dengan jalan yang dipilih.

Norsiah, (bukan nama sebenar), 50, menerima balasan atas perbuatan yang dilakukannya dahulu.

Dijatuh hukuman penjara lima tahun atas kesalahan berkaitan dadah. Dia sedar balasan yang diterima pada hari ini adalah kerana kesalahannya yang tidak dapat membezakan baik dan buruk kesan najis dadah.

“Saya akui zaman remaja saya agak liar. Pada usia 15 tahun saya sudah terlibat dengan najis dadah jenis heroin.

“Hanyut dengan najis dadah menyebabkan pelajaran saya pun tak ke mana. Saya berhenti sekolah masa tingkatan dua.

juga tidak rapat. Keadaan saya yang ketagihan heroin menyebabkan adakalanya saya tidak menghiraukan mereka.

“Jika terlalu lali dengan najis dadah saya tidak ingat kepada anak-anak dan akan mengabaikan mereka. Mujurlah kakak saya sudi menjaga mereka,” katanya.

Tambahnya, selepas bercerai keinginannya kepada heroin semakin menjadi-jadi.

“Selepas berpisah dengan suami hidup saya semakin tidak terurus dan heroin menjadi ubat ‘penenang’ saya ketika itu.

“Berhari-hari saya tidak pulang ke rumah kerana lebih gemar melepak bersama-sama kawan yang seangkatan. Anak langsung saya tidak ingat apatah lagi untuk mengambil tahu tentang mereka,” katanya.

Kerana tidak puas hanya sekadar mengambil heroin, dia juga telah menjadi pengedar heroin kepada penagih-penagih lain.

“Saya tidak bekerja. Jadi duit hasil menjual dadah digunakan untuk membeli bekalan heroin.

“Jual dadah dapat banyak duit. Duit tersebut juga saya akan gunakan untuk membeli keperluan anak-anak dan diri,” katanya.

Ujarnya, lokasi yang sering menjadi tempat dia bertemu pelanggan adalah lorong-lorong sunyi seperti Jalan Chow Kit dan Lorong Haji Taib.

“Tempat-tempat tersebut memang banyak penagih. Untuk selamat daripada

“Kesalahan mengedar heroin tersebut menyebabkan saya dijatuh hukuman penjara lima tahun di Penjara Wanita Kajang,” katanya.

Katanya, selepas dua tahun lebih tinggal di penjara, dia telah mendapat pelepasan parol selama 9 bulan.

“Tarikh saya akan dibebaskan dari tahanan pada bulan Mac tahun hadapan.

“Sementara menunggu tarikh dibebaskan, sekarang saya tinggal di Asrama Agensi Anti Dadah Kebangsaan

(AADK),” katanya.

Ujarnya, sekarang dia sudah berhenti mengambil dadah dan bahagian menjalani hidup seperti sekarang.

“Saya juga bersyukur kerana Ramadan dan Hari Raya pada tahun ini tidak disambut dalam penjara.

“Apabila habis menjalani hukuman saya akan mencari anak-anak yang sudah lama ditinggalkan. Semoga mereka dapat menerima saya nanti,” katanya.



“Memang ketika mula terlibat saya langsung tidak memikirkan kesan akibat ketagihan najis dadah kepada diri. Apa yang diinginkan ketika itu rasa seronok selain terpengaruh dengan rakan-rakan,” katanya.

Menurut Norsiah, pada mulanya dia hanya mengambil heroin dalam kuantiti yang sedikit dan tidak terlalu kerap.

Semakin lama, heroin telah menguasai seluruh urat darahnya menyebabkan dia berasakan tidak boleh hidup jika tidak mengambilnya.

“Tambahan pula saya tidak mengalami masalah untuk mendapatkan bekalan kerana dikelilingi dengan ramai kawan-kawan yang menjual benda (heroin) itu,” katanya.

Dalam usia muda tersebut dia juga telah berkahwin dengan lelaki pilihan hati yang dikenali melalui rakan-rakan.

“Masa berkahwin saya tak tahu suami juga rupanya penagih dadah sehinggalah saya melihat sendiri dia dalam bilik secara menyorok.

“Selepas dari itu kami berdua makin bebas melakukan perbuatan tanpa berselindung malah kadang kala kami berkongsi bekalan,” katanya.


Perkahwinan Norsiah hanya bertahan selama 13 tahun kerana terlalu banyak kejadian yang menimpa sehingga tidak boleh diteruskan lagi.

“Hubungan saya dengan anak-anak

dikesan oleh pihak polis kami kena berhati-hati semasa menjalankan aktiviti penjualan tersebut tersebut,” katanya.

Tambahnya, walaupun sentiasa berhati-hati, sependai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.

“Saya telah ditangkap polis ketika sedang menjual barang tersebut di Chow Kit. Ketika itu saya tahu memang saya tiada harapan lagi untuk terlepas.



● Ketika mula terlibat saya langsung tidak memikirkan kesan dadah kepada diri. Apa yang diinginkan ketika itu perasaan seronok selain terpengaruh dengan rakan-rakan